



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Polis Johor bongkar Macau Scam
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 14 July 2020

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 16

Polis Johor bongkar Macau Scam



Ayob Khan menunjukkan barang rampasan sindiket Macau Scam pada sidang media di IPK Johor, semalam. Yang turut hadir Kok Chin (kiri).
(Foto Omar Ahmad/BH)

Kali pertama anggota sindiket penipuan, penyamaran ditahan

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru: Polis Johor membongkar kegiatan sindiket penipuan Macau Scam, Ho & Michael (HM), yang menggunakan teknologi canggih menyamar sebagai pegawai agensi penguat kuasa, agensi kerajaan dan Pos Malaysia, Selasa lalu.

Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay, berkata kejayaan itu susulan risikan selama sebulan yang dilakukan polis sebelum serbuan dilakukan jam 9 pagi, Selasa lalu.

Katanya, ini kali pertama anggota sindiket penipuan dan penyamaran Macau Scam berjaya dibongkar dan ditahan di negara ini.

“Polis menyerbu sebuah rumah di taman perumahan di Mount Austin, di sini, yang disyaki dijadikan pusat panggilan (call centre) sindiket penipuan itu sebelum menahan 12 suspek warga tempatan.

“Suspek berkenaan membabitkan seorang penyelia, seorang pakar teknologi telekomunikasi serta 10 operator pusat panggilan yang berusia antara 20 hingga 45 tahun.

“Sindiket ini menggunakan teknologi canggih, termasuk aplikasi khas, Got Further 602400, yang dibeli dari sebuah negara Asia dengan sistem konfigurasi telekomunikasi menerusi aplikasi Voice Over Internet Protocol (VoIP) dan Interacti-ve Voice Response (IVR).

“Mangsa akan dihubungi secara rawak oleh sistem menggunakan IVR (suara robotik) dengan rakaman suara panggilan daripada pegawai polis, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Imigresen, Kastam, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Mahkamah atau Pos Malaysia akan di-

mainkan,” katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor, di sini, semalam, yang turut dihadiri Timbalan Ketua Polis Johor, Datuk Khaw Kok Chin.

Ayob Khan berkata, mangsa kemudian akan diminta menekan nombor pada telefon untuk bercakap dengan pegawai penguat kuasa atau pusat khidmat pelanggan.

Katanya, mangsa akan disambungkan kepada operator di pusat panggilan yang menyamar sebagai agensi penguat kuasa dan agensi kerajaan atau Pos Malaysia sebelum diperdaya sudah melakukan kesalahan menyalahi undang-undang.

“Operator pusat panggilan juga akan memaklumkan mangsa terbahit jenayah penggubahan wang haram sebelum meminta mangsa memuat turun sebuah aplikasi diberikan ahli sindiket berkenaan,” katanya.

Ayob Khan berkata, polis mengenal pasti sebanyak 12 kes yang membabitkan sindiket berkenaan dengan nilai kerugian dianggarkan bernilai RM595,299.

“Sindiket ini diketuai oleh seorang lelaki rakyat tempatan dengan rakan kongsinya berusia 31 dan 36 tahun.

“Mereka dipercayai ahli kongsi gelap, Geng Lima Warna dan kini sedang diburu polis,” katanya.